

附录15

《2018年财政预算编制指南》

马来西亚财政部

**Garis Panduan bagi Penyediaan
Anggaran Perbelanjaan Tahun 2018**

Perbendaharaan Malaysia

(收纳文件的原文全文)



KERAJAAN MALAYSIA

Garis Panduan Bagi Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2018

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

ANGGARAN PERBELANJAAN.....	2
PB 1.3 Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2018.....	2
1. Tujuan	2
2. Senario Ekonomi dan Fiskal Negara.....	2
3. Perancangan Prestasi dan Cadangan Anggaran Perbelanjaan 2018	4
4. Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus.....	5
5. Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan.....	7
6. Pengesahan Cadangan Anggaran Perbelanjaan.....	9
7. Perjawatan.....	9
8. Penyediaan Laporan Bajet Program dan Prestasi.....	10
9. Penutup.....	11
LAMPIRAN	12

**ANGGARAN PERBELANJAAN
PB 1.3 Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran
Perbelanjaan Tahun 2018**

1. Tujuan

- 1.1 Tujuan Pekeling ini adalah untuk memberi panduan bagi menyediakan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2018.

2. Senario Ekonomi Dan Fiskal Negara

- 2.1 Ekonomi Malaysia terus berkembang meskipun berhadapan dengan persekitaran luar yang mencabar termasuk pertumbuhan perlahan dan tidak sekata di kalangan ekonomi utama dunia; harga minyak yang berterusan rendah; dan peningkatan ketidaktentuan dalam pasaran kewangan antarabangsa. Pada tahun 2016, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan sebanyak 4.2% disokong oleh ekonomi domestik yang stabil.
- 2.2 Bagi tahun 2017, ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4% dan 5% didorong oleh permintaan domestik yang kukuh serta peningkatan sektor eksport sejajar perkembangan ekonomi dunia dan perdagangan antarabangsa yang lebih baik. Perbelanjaan sektor swasta akan terus memacu pertumbuhan disokong oleh dasar pro-pertumbuhan fiskal dan kewangan akomodatif dalam persekitaran inflasi stabil. Perbelanjaan sektor awam dijangka berkembang disokong oleh perbelanjaan modal oleh perusahaan awam. Dari sudut penawaran, semua sektor ekonomi diunjur mencatat pertumbuhan positif, dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi. Meskipun, prospek ekonomi dan perdagangan dunia kekal positif, namun terdapat beberapa risiko yang boleh menjelaskan momentum pertumbuhan ekonomi negara. Risiko ini termasuk, kadar pemulihan ekonomi yang perlahan dalam kalangan negara utama, volatiliti pasaran kewangan antarabangsa, perubahan geopolitik Amerika dan Eropah dan harga komoditi yang kekal rendah.
- 2.3 Harga minyak mentah global, Brent mencatat purata USD44.05 setong pada tahun 2016 berbanding purata USD52.40 setong pada tahun 2015. Dengan komitmen daripada Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan bukan OPEC untuk menghadkan pengeluaran dunia, harga Brent dijangka berada dalam trend meningkat pada tahun 2017. Sehingga 20 Februari 2017, harga Brent mencatat purata USD55.13 setong berbanding purata USD54.07 setong pada bulan Disember 2016.

M.S. 2/16

- 2.4 Kerajaan komited dalam melaksanakan langkah konsolidasi fiskal untuk memastikan kedudukan kewangan negara terus kukuh dalam jangka masa sederhana dan panjang. Pelbagai inisiatif pembaharuan fiskal termasuk melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada 2015 serta langkah peningkatan hasil yang diperkenalkan pada 2016 seperti pengagihan semula dan proses bidaan spektrum telekomunikasi dijangka dapat mengimbangi penurunan kutipan hasil berkaitan minyak. Selain itu, Kerajaan juga telah melaksanakan rasionalisasi subsidi dan langkah mengoptimumkan perbelanjaan awam melalui penyusunan semula keutamaan program dan projek yang memberi kesan pengganda yang tinggi kepada ekonomi.
- 2.5 Di samping usaha-usaha meningkatkan hasil Kerajaan, pertumbuhan dalam perbelanjaan juga perlu dikawal tetapi tanpa menjelaskan penyampaian perkhidmatan awam. Ini bermakna dalam membuat perancangan perbelanjaan tahun 2018, semua kementerian dan agensi perlu mengambil langkah proaktif untuk mengawal pertumbuhan perbelanjaan, bukan sahaja bagi tahun 2017 tetapi juga dalam jangka masa sederhana. Kawalan perbelanjaan tersebut boleh dilaksanakan antaranya melalui penyusunan semula keutamaan program/projek supaya perbelanjaan lebih terarah, pengurangan perbelanjaan yang tidak kritikal, semakan semula keperluan sebenar pengisian jawatan dan bilangan perjawatan, mengelakkan pembaziran serta memastikan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemat.
- 2.6 Bagi tahun 2016, paras defisit fiskal telah mencatat 3.1% daripada KDNK dan mencapai sasaran seperti yang telah ditetapkan. Paras defisit bagi tahun 2017 pula, disasarkan pada 3.0% daripada KDNK dan akan dikurangkan secara berperingkat pada tahun-tahun akan datang ke arah mencapai bajet hampir berimbang pada tahun 2020. Paras hutang Kerajaan Persekutuan dijangka terus terkawal dan tidak melebihi 55% daripada KDNK bagi menyediakan ruang fiskal untuk melindungi ekonomi negara daripada kesan negatif ketidaktentuan ekonomi global. Inisiatif pengukuhan kedudukan fiskal yang berterusan adalah penting untuk memastikan kemampunan fiskal jangka panjang negara supaya penarafan kredit negara berada pada kedudukan yang baik dan tidak menjelaskan keyakinan para pelabur.
- 2.7 Pelaksanaan pelbagai program transformasi telah banyak membawa perubahan kepada landskap ekonomi negara termasuk keupayaan mengekalkan pertumbuhan melalui kepelbagaiannya struktur ekonomi dan meningkatkan daya saing. Peningkatan produktiviti, inovasi, kreativiti serta peluang penglibatan usahawan kecil dan sederhana akan terus ditekankan pada tahun 2018 bagi membuka ruang kepada rakyat untuk mengambil bahagian dalam menjana pertumbuhan ekonomi serta sama-sama menikmati kekayaan dan kemajuan negara.

3. Perancangan Prestasi dan Cadangan Anggaran Perbelanjaan 2018

- 3.1 Tahun 2018 adalah tahun ketiga pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Kerajaan komited untuk meneruskan agenda pembangunan negara di bawah Enam (6) Teras Strategik nasional. Kerangka keberhasilan kementerian (MRF) bagi tahun 2018 hendaklah menumpu kepada core business dan sumbangan kementerian/jabatan/agensi kepada keutamaan nasional dengan memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:
- 3.1.1 Analisis masalah/keperluan yang dihadapi oleh pelanggan/stakeholder adalah menyeluruh;
 - 3.1.2 *Outcome* yang hendak dicapai adalah munasabah dan dapat menangani masalah/keperluan pelanggan/stakeholder serta boleh diukur menggunakan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator - KPI*) yang bersesuaian;
 - 3.1.3 *Outcome* yang dikenalpasti adalah sejajar dengan *outcome* peringkat nasional di bawah RMKe-11;
 - 3.1.4 Isu *cross cutting* yang melibatkan pertindihan program dan perkongsian *outcome* (*shared outcome*) kementerian/jabatan/agensi ditangani sebaik mungkin berpandukan kepada punca kuasa dan bidang kuasa kementerian/jabatan/agensi; dan
 - 3.1.5 Semakan semula atau penilaian formatif ke atas setiap program hendaklah dibuat dari masa ke semasa bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanannya dalam mencapai matlamat program berkenaan.
- 3.2 Kementerian/jabatan/agensi perlu menyediakan kerangka keberhasilan yang merangkumi tiga (3) dokumen strategik iaitu Ringkasan Eksekutif Kementerian (MES), Kerangka Pengurusan Prestasi Program (PPMF) dan Kerangka Pengurusan Prestasi Aktiviti (APMF). Setiap APMF hendaklah disertakan dengan Lembaran Bajet Aktiviti (ABS) yang memperincikan cadangan anggaran perbelanjaan bagi mencapai keberhasilan yang dirancang.
- 3.3 Maklumat kerangka keberhasilan bagi tahun bajet 2017 boleh digunakan semula bagi tujuan penyediaan bajet 2018. Walau bagaimanapun, maklumat tersebut khususnya data mengenai profil pelanggan/stakeholder dan masalah/keperluan perlu disemak semula bagi disesuaikan dengan perkembangan semasa. Sekiranya tiada perubahan berlaku ke atas profil berkenaan, kenyataan *outcome* sedia ada perlu

dikekalkan dan kementerian/jabatan/agensi dikehendaki menyemak semula sasaran prestasi bagi setiap KPI agar selaras dengan keutamaan dan perancangan tahun 2018.

- 3.4 Cadangan perancangan anggaran perbelanjaan tahun 2018 hendaklah disediakan:
- 3.4.1 mengikut keutamaan dalam melaksanakan *core business* fungsi teras kementerian/jabatan/agensi agar sejajar dengan kerangka keberhasilan yang dipersetujui;
 - 3.4.2 dengan mengambil kira komitmen Kerajaan dalam melaksanakan dasar-dasar semasa Kerajaan yang berkuatkuasa;
 - 3.4.3 dengan menggambarkan keupayaan sebenar kementerian/jabatan/agensi bagi mengelakkan peruntukan tidak dapat dibelanjakan secara optimum yang memberi kesan negatif kepada kecekapan Kerajaan; dan
 - 3.4.4 dengan kementerian/jabatan/agensi perlu membuat perancangan perolehan yang teliti agar setiap peruntukan yang dipohon adalah benar-benar diperlukan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap melalui budaya perbelanjaan berhemat dan penggunaan sumber yang optimum serta mengamalkan tadbir urus yang baik (*good governance*).
- 3.5 Kerangka keberhasilan kementerian/jabatan/agensi dan cadangan anggaran perbelanjaan 2018 hendaklah disediakan mengikut Pekeliling Perbendaharaan PB 1.1: "Bajet Berasaskan Outcome (OBB)". Pegawai Pengawal, Pengurus Program dan Ketua Aktiviti adalah bertanggungjawab (*accountable*) ke atas maklumat prestasi dalam MES, PPMF dan APMF serta anggaran perbelanjaan yang dipohon. Penyediaan bajet tahun 2018 perlu dibuat secara dalam talian (*online*) menggunakan aplikasi MyResults yang boleh dicapai melalui URL www.myresults.gov.my.

4. Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus

- 4.1 Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa menyediakan cadangan perbelanjaan mengurus:
- 4.1.1 Perbelanjaan mengikut keutamaan program yang menyumbang secara signifikan kepada *outcome* nasional;
 - 4.1.2 Mengelakkan pertindihan fungsi di dalam kementerian/jabatan/agensi;

- 4.1.3 Mengambil kira emolumen termasuk bagi pegawai/kakitangan kontrak yang dibayar di bawah Objek Sebagai 29000;
 - 4.1.4 Mengambil kira perbelanjaan komited lain terutamanya yang berkontrak;
 - 4.1.5 Memastikan keperluan peruntukan bagi program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Program Transformasi Kerajaan (GTP), Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI), Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), Pemerksaan Ekonomi Bumiputera (PEB) dan dasar-dasar semasa Kerajaan lain;
 - 4.1.6 Memberi keutamaan kepada penyenggaraan aset Kerajaan termasuk bangunan, peralatan dan kelengkapan;
 - 4.1.7 Mengambil kira perspektif dan keperluan gender secara menyeluruh sebagaimana surat Ketua Setiausaha Negara bertarikh 16 Oktober 2008 dalam membuat analisis masalah/keperluan pelanggan/stakeholder bagi menentukan *outcome* dan sasaran KPI kementerian/jabatan/agensi. Kementerian/jabatan/agensi perlu mengemaskini data yang berkaitan dari masa ke semasa bagi membantu proses penyediaan bajet, pemantauan dan pelaporan prestasi, dan penilaian program;
 - 4.1.8 Keupayaan untuk melaksana Program dan Aktiviti; dan
 - 4.1.9 Merancang dengan rapi keperluan untuk melaksanakan program dan projek dari aspek perjawatan, kelengkapan peralatan dan sebagainya bagi memastikan program dan projek dapat dilaksanakan secara teratur dengan perbelanjaan optimum serta akhirnya memberi manfaat kepada kumpulan sasar dan rakyat.
- 4.2 Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan akan mengeluarkan siling indikatif yang merangkumi Dasar Sedia Ada, Dasar Baru dan One-Off sebagai asas dan panduan kepada kementerian/jabatan/agensi dalam penyediaan Anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 2018.
 - 4.3 Cadangan Dasar Baru (termasuk perluasan kepada Dasar Sedia Ada) dan One-Off yang dikemukakan mestilah sejajar dengan perancangan strategi dan memberikan sumbangan signifikan kepada pencapaian *outcome* yang ditetapkan. Justifikasi lengkap termasuk kelulusan Jemaah Menteri atau keputusan Kerajaan/agensi pusat perlu dikemukakan.

5. Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

- 5.1 RMKe-11 mengambil pendekatan baharu yang dikenali sebagai Strategi Pembangunan Nasional Malaysia (MyNDS), yang memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi berteraskan rakyat dan ekonomi berdasarkan modal. Melalui pendekatan ini, NBOS diaplikasi dalam pembangunan MyNDS yang menekankan kepada penggunaan sumber secara optimum dengan menumpukan kepada projek pembangunan berimpak tinggi kepada rakyat, kos yang rendah kepada Kerajaan serta pelaksanaan yang cekap dan pantas. Setiap projek baharu yang dimohon akan dinilai berdasarkan *Creativity Index* (CI).
- 5.2 Penyediaan cadangan projek baharu Rolling Plan Ketiga (RP3) oleh kementerian/jabatan/agensi hendaklah selaras dengan matlamat, sasaran, strategi dan *outcome* nasional seperti yang digariskan dalam dokumen RMKe-11. Sebagai rujukan, gerak kerja RMKe-11 yang mengandungi Teras Strategik, Bidang Fokus (BF), Strategi *Outcome* Nasional dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI Nasional) telah dikemaskini dan diedarkan kepada kementerian/jabatan/agensi menerusi Surat Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) rujukan UPE(S)12-11/14/1 Jld.6(37) bertarikh 14 Disember 2016.
- 5.3 Selain dari itu, kementerian/jabatan/agensi juga wajar memberi keutamaan kepada projek-projek pemacu perubahan yang merupakan pendekatan yang inovatif bagi mempercepat pembangunan Malaysia seperti yang digariskan dalam RMKe-11 iaitu meningkatkan produktiviti; meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah; mentransformasikan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) yang diterajui industri; melaksanakan pertumbuhan hijau; menjana kekayaan melalui inovasi; dan melabur dalam bandar berdaya saing.
- 5.4 Bagi memastikan perancangan projek baharu RP3 diuruskan secara komprehensif dengan mengambil kira pandangan pihak berkepentingan (*stakeholders*) peringkat negeri dan keperluan sebenar kumpulan sasar, semasa menyediakan senarai projek baharu tersebut, kementerian/kerajaan negeri perlu mengambil tindakan berikut:
 - 5.4.1 Kementerian berunding dengan jabatan/agensi/badan berkanun di bawah seliaan masing-masing termasuk di peringkat negeri;
 - 5.4.2 Kerajaan negeri hendaklah mengemukakan kepada kementerian cadangan keutamaan projek negeri melalui bahagian/Unit Perancang Ekonomi Negeri (BPEN/UPEN) atau Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN) masing-masing untuk dipertimbangkan oleh kementerian sebelum dikemukakan ke UPE, JPM; dan

- 5.4.3 Kementerian hendaklah membincangkan senarai projek baharu RP3 dengan Kerajaan Negeri menerusi Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) atau Majlis Tindakan Persekutuan Negeri (MTPNg). Mesyuarat JPN/MTPNg juga boleh digunakan oleh kementerian bagi tujuan penyelarasan komitmen pihak berkuasa tanah, pihak berkuasa tempatan dan penyedia utiliti.
- 5.5 Semasa menyediakan projek RP3, kementerian/jabatan/agensi juga hendaklah memberikan keutamaan kepada projek sambungan, projek kelulusan khas oleh Kerajaan Persekutuan dan projek yang telah diluluskan secara berfasa. Selain itu, perancangan projek pembangunan RP3 perlu mematuhi dasar, akta, pekeliling, garis panduan dan peraturan yang masih berkuatkuasa seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Keselbelas, 2016-2020: Prospek Ekonomi, Teras Strategik dan Penyediaan Projek Pembangunan oleh UPE, JPM.
- 5.6 Kementerian/jabatan/agensi diminta menggunakan stok tanah dalam bank tanah masing-masing dan mengelakkan daripada memohon perolehan tanah baharu. Tindakan ini bukan sahaja dapat memastikan tanah sedia ada kerajaan digunakan secara optimum malahan mengurangkan kos perolehan tapak baharu. Walau bagaimanapun, sekiranya perolehan tapak baharu adalah terlalu mendesak atau selaras dengan projek keutamaan negara, kementerian/jabatan/ agensi dikehendaki mendapatkan pandangan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG). Bagi permohonan projek baharu RP3, kementerian/jabatan/agensi hendaklah memastikan tapak/tanah mempunyai nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dalam geran (projek pembangunan) dan Borang K (projek jalan) serta bebas bebanan dan sedia dimasuki.
- 5.7 Semua permohonan projek RP3 dikemukakan secara online melalui Modul e-permohonan dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) beserta dokumen wajib lampir termasuk *Logical Framework Matrix* (LFM) selewat-lewatnya pada **31 Mac 2017**.
- 5.8 Selaras dengan mekanisme kawalan pengurusan projek pembangunan fizikal Kerajaan Persekutuan yang berkuatkuasa pada 15 September 2016, kementerian/jabatan/agensi perlu mengambil perhatian terhadap peraturan sedia ada iaitu:
- 5.8.1 memastikan kesemua projek Kerajaan dilaksanakan mengikut skop, keutamaan dan kos projek asal yang telah diluluskan oleh UPE dan Kementerian Kewangan;

- 5.8.2 semua Arahan Perubahan Kerja (VO) yang melibatkan pertambahan kos perlu ditangguhkan kecuali dalam keadaan yang dibenarkan; dan
- 5.8.3 memastikan yuran perkhidmatan perunding kekal (*at a Fixed Consultant Fee*) sepanjang pelaksanaan projek sehingga projek siap)
- 5.9 Kementerian/jabatan/agensi hendaklah memastikan elemen ketersediaan pelaksanaan projek (*Implementation Readiness*) diambilkira semasa permohonan projek bagi memastikan projek dilaksanakan dengan segera. Ketersediaan projek untuk dilaksanakan hendaklah mengambilkira keperluan yang perlu disegearkan bagi kerja awalan seperti penentuan Agensi Pelaksana, ketersediaan tapak projek, brif projek dan persediaan *Value Management Lab* berdasarkan kepada Pekeling Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri Bil.1 Tahun 2015.

6. Pengesahan Cadangan Anggaran Perbelanjaan

- 6.1 Pegawai Pengawal seterusnya hendaklah mengemukakan secara rasmi kerangka keberhasilan dan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2018 kementerian/jabatan/agensi masing-masing kepada Perbendaharaan dengan membuat pengesahan (*sign-off*) secara dalam talian (*online*) melalui aplikasi MyResults.
- 6.2 Pengesahan oleh Pegawai Pengawal perlu disempurnakan dalam tempoh **1 hingga 4 April 2017** seperti yang ditetapkan dalam **Kalendar Aktiviti Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Kementerian/Jabatan/Agensi Bagi Tahun 2018** seperti di **Lampiran A**.

7. Perjawatan

- 7.1 Sejajar dengan pelaksanaan RMKe-11, perkhidmatan awam akan memberi fokus kepada peningkatan keupayaan dan produktiviti dengan usaha-usaha untuk mentransformasi perkhidmatan awam secara berterusan melalui rasionalisasi institusi kerajaan menerusi strategi pewajaran saiz perkhidmatan awam. Pengurusan perjawatan perlu dilaksanakan dengan mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan supaya setiap jawatan berupaya memberikan impak maksimum kepada organisasi. Pelaksanaan setiap fungsi kementerian/jabatan/agensi juga perlu dilakukan secara kreatif dan inovatif serta diterapkan prinsip *doing more with less*.

- 7.2 Dasar pengoptimuman sumber manusia perkhidmatan awam perlu diteruskan melalui strategi berikut:
- 7.2.1 Pewujudan jawatan baharu tidak dibenarkan kecuali melalui kaedah tukar ganti (*trade off*) dan pindah butiran (*redeployment*) serta tiada implikasi kewangan tambahan; dan
 - 7.2.2 Penjajaran jawatan melalui peluasan skop fungsi tugas yang relevan bagi menghasilkan peningkatan produktiviti yang lebih tinggi.
- 7.3 Selain itu, pelantikan pegawai kontrak baharu di bawah peruntukan Objek Sebagai 29000 (OS29000) adalah tidak dibenarkan kecuali bagi penggantian atau pembaharuan kontrak pegawai.
- 7.4 Bagi memastikan perjawatan dan penggunaan sumber manusia yang optimum, kementerian/jabatan/agensi disaran agar terus melaksanakan *self-audit* ke atas perjawatan masing-masing. Di samping itu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan meneruskan pelaksanaan Audit Pembangunan Organisasi dan Pengurusan Sumber Manusia. Skop audit termasuklah pematuhan waran perjawatan dan peraturan-peraturan pengurusan sumber manusia, meneliti semula tugas dan keperluan jawatan, meneliti semula kesesuaian skim perkhidmatan, menghapuskan pertindanan fungsi serta sentiasa menimbaangkan perekayasaan struktur dan proses kerja sedia ada agar kementerian/jabatan/agensi terus relevan.

8. Penyediaan Laporan Bajet Program dan Prestasi

- 8.1 Pemantauan prestasi berdasarkan pendekatan OBB akan terus dilaksanakan pada tahun 2017. Prestasi kementerian akan dipantau berdasarkan kerangka keberhasilan di setiap peringkat yang dikaitkan dengan pencapaian *outcome* yang diukur melalui pencapaian sasaran KPI yang telah ditetapkan. Kementerian perlu mengemukakan laporan prestasi secara suku tahunan kepada Pejabat Belanjawan Negara sebagai persediaan kepada penyediaan Buku Bajet tahunan.
- 8.2 Laporan bajet program dan prestasi tahun 2018 akan meliputi prestasi sebenar kementerian tahun 2016 dan sasaran pencapaian tahun 2017 dan 2018. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan pemantauan prestasi dibuat berdasarkan struktur Program-Aktiviti di bawah OBB yang telah dikemaskini dan dipersetujui. Pelaporan prestasi tersebut perlu disediakan mengikut **Garis Panduan Bagi Penyediaan Laporan Bajet Program dan Prestasi Tahun 2018** seperti di **Lampiran B**.

9. Penutup

- 9.1 Pegawai Pengawal hendaklah mengambil langkah pelaksanaan perbelanjaan secara berhemat dalam proses penyediaan bajet bagi mengawal perbelanjaan awam dan mengelakkan pembaziran. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengambil tindakan tegas terhadap teguran audit yang dibangkitkan serta mengambil inisiatif untuk mengelakkan teguran yang sama berulang.
- 9.2 Pegawai Pengawal perlu meningkatkan keupayaan dan kompetensi pegawai kementerian/jabatan/agensi masing-masing agar pelaksanaan program dan penyampaian perkhidmatan awam mencapai kualiti yang ditetapkan disokong oleh amalan tadbir urus yang baik, serta memenuhi ekspektasi *stakeholder* dan pelanggan.
- 9.3 Cadangan anggaran perbelanjaan perlu dibuat dengan teliti bagi menggambarkan keupayaan sebenar kementerian/jabatan/agensi melaksanakan program dan projek bagi mengelakkan peruntukan dibelanjakan secara tidak terarah yang akan mencerminkan kelemahan perancangan dan pengurusan sumber sektor awam.
- 9.4 Pegawai Pengawal turut diingatkan supaya merancang dan menyediakan anggaran keperluan dengan teliti bagi mengelakkan peruntukan tambahan. Sehubungan itu, unjuran keperluan aliran tunai perbelanjaan mengurus dan pembangunan hendaklah disediakan dengan lebih tepat supaya dapat dimanfaatkan sebagai alat pengurusan bagi memberi gambaran mengenai pelaksanaan Program atau Aktiviti tahun semasa. Kementerian/jabatan/agensi hendaklah mengemukakan **Unjuran Keperluan Aliran Tunai Tahun 2018** sebelum **29 Disember 2017** berasaskan kepada anggaran yang dikemukakan kepada Parlimen.

LAMPIRAN A

**KALENDAR AKTIVITI PENYEDIAAN
CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN KEMENTERIAN/AGENSI
BAGI TAHUN 2018**

BIL.	AKTIVITI / TINDAKAN	TARIKH AKHIR
1.	Surat makluman Perbendaharaan kepada kementerian/agensi mengenai siling <i>indicative</i>	6 Mac 2017
2.	Permohonan projek RP3 dikemukakan secara <i>online</i> melalui modul e-permohonan dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri	31 Mac 2017
3.	Pengesahan (<i>sign-off</i>) Pegawai Pengawal secara dalam talian (<i>online</i>) bagi kerangka keberhasilan dan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2018	1 – 4 April 2017
4.	Penyampaian Laporan Bajet Program dan Prestasi untuk anggaran perbelanjaan tahun 2018 kepada Perbendaharaan (Pejabat Belanjawan Negara)	30 Jun 2017
5.	Penyampaian Unjuran Keperluan Aliran Tunai tahun 2018	29 Disember 2017

M.S. 12/16

LAMPIRAN B

GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN LAPORAN BAJET PROGRAM DAN PRESTASI TAHUN 2018

Tujuan

1. Kertas ini menetapkan garis panduan bagi penyediaan Laporan Bajet Program dan Prestasi kementerian/jabatan/agensi yang akan digunakan sebagai input untuk buku Bajet Persekutuan. Pegawai Pengawal adalah diminta untuk memastikan agar laporan Bajet Program dan Prestasi kementerian/agensi yang disediakan adalah selaras dengan garis panduan dan format yang ditetapkan sebelum mengemukakan kepada Perbendaharaan.

Kegunaan Laporan Bajet Program dan Prestasi

2. Laporan Bajet Program dan Prestasi yang dimasukkan ke dalam buku Bajet Persekutuan adalah sebagai sumber maklumat mengenai Program dan Aktiviti setiap kementerian/jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan. Laporan ini dapat membantu Ahli Parlimen untuk memperoleh maklumat serta penerangan terperinci mengenai Program dan Aktiviti utama kementerian/jabatan/agensi.

3. Selain itu, laporan ini boleh juga digunakan oleh kementerian/agensi sebagai bahan rujukan untuk mengetahui struktur dan kegiatan Program dan Aktiviti kementerian/agensi yang lain. Maklumat berkenaan dapat menggalakkan kerjasama dan integrasi kerja di antara kementerian/jabatan/agensi serta membantu usaha untuk mengesan dan mengelak pertindihan Program dan Aktiviti antara kementerian/jabatan/agensi selaras dengan dasar penjimatan yang diamalkan oleh Kerajaan.

4. Maklumat yang terkandung di dalam Laporan Bajet Program dan Prestasi juga adalah penting kerana penekanannya terhadap prestasi yang berdasarkan kerangka keberhasilan kementerian/jabatan/agensi. Maklumat tersebut dapat digunakan untuk membuat penilaian awal terhadap prestasi keseluruhan kementerian/jabatan/agensi dengan merujuk kepada data perbandingan *outcome* utama untuk tiga (3) tahun.

Format Bagi Penyediaan Laporan Bajet Program dan Prestasi

5. Penerangan mengenai setiap aspek laporan untuk Laporan Bajet Program dan Prestasi adalah seperti berikut:

5.1 **Visi:** Satu pernyataan rasmi tentang apa yang hendak dicapai oleh kementerian/ jabatan/agensi dalam jangka masa panjang.

- 5.2 ***Misi:*** Satu pernyataan rasmi tentang matlamat kementerian/jabatan/agensi merangkumi tujuan kewujudan kementerian/jabatan/agensi skop operasi dan mekanisme pelaksanaan.
 - 5.3 ***Pelanggan kementerian/jabatan/agensi:*** Pihak yang akan menerima faedah secara langsung daripada Program/Aktiviti kementerian/jabatan/agensi.
 - 5.4 ***Prestasi Outcome Kementerian/Program:*** Pelaporan pencapaian Outcome Kementerian/Program menggunakan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan.
 - 5.5 ***Outcome kementerian/jabatan/agensi:*** Perubahan atau kesan yang dibawa kepada masalah utama atau keperluan yang dikaitkan dengan pelanggan atau stakeholder.
 - 5.6 ***Petunjuk Prestasi Utama (KPI):*** Maklumat yang digunakan untuk mengukur pencapaian outcome.
 - 5.7 ***Program dan Aktiviti:*** Struktur Program dan Aktiviti kementerian/jabatan/agensi adalah berdasarkan kepada pendekatan OBB. Program merupakan intervensi terancang bagi mencapai *outcome*. Aktiviti merupakan entiti yang menyumbang kepada pencapaian *outcome* sesuatu Program.
 - 5.8 ***Fungsi Aktiviti:*** Menerangkan tugas dan peranan Aktiviti serta sumbangan kepada Program OBB yang berkenaan.
6. Format asas serta garis panduan bagi menyediakan Laporan Bajet Program dan Prestasi kementerian/jabatan/agensi bagi Buku Bajet Persekutuan adalah seperti di **Lampiran B1**.

LAMPIRAN B1

- VISI:** (Apa yang hendak dicapai oleh kementerian/jabatan/agensi dalam jangka masa panjang.)
- MISI:** (Matlamat kementerian/jabatan/agensi yang merangkumi tujuan kewujudan kementerian/jabatan/agensi, skop operasi dan mekanisme pelaksanaan)
- PELANGGAN:** (Senarai pihak yang akan menerima faedah secara langsung daripada Program/Aktiviti kementerian/jabatan/agensi)

KERANGKA KEBERHASILAN KEMENTERIAN**PRESTASI OUTCOME KEMENTERIAN**

- OUTCOME n:** (Senarai outcome kementerian/jabatan/agensi)

Petunjuk Prestasi Utama	2016 (Sebenar)	2017 (Sasaran)	2018 (Sasaran)
-------------------------------	-------------------	-------------------	-------------------

- PROGRAM n:** (Nama Program di bawah pendekatan OBB)

PRESTASI OUTCOME PROGRAM

- OUTCOME n:** (Senarai outcome Program)

Petunjuk Prestasi Utama	2016 (Sebenar)	2017 (Sasaran)	2018 (Sasaran)
-------------------------------	-------------------	-------------------	-------------------

- Aktiviti n:** (Senarai Aktiviti di bawah Program OBB)

- Fungsi:** (Fungsi Aktiviti menerangkan tugas dan peranan Aktiviti serta sumbangan kepada Program OBB yang berkenaan)

.....
(Tandatangan Pegawai Pengawal)

Penyampaian Laporan Kementerian/Jabatan/Agenzi

7. Satu salinan Laporan Bajet Program dan Prestasi kementerian/jabatan/agensi hendaklah dikemukakan dalam bentuk *softcopy* dan ***hard-copy* yang ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri kepada:**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Perbendaharaan Malaysia
Pejabat Belanjawan Negara
Aras 6, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
(u.p.: Pegawai Pemeriksa Belanjawan [BRO])

Laporan ini hendaklah dikemukakan **tidak lewat daripada 30 Jun 2017.**

M.S. 16/16